

AKHBAR : BERNAMA.COM

MUKA SURAT : ONLINE

TARIKH : 14 JULAI 2021

HARI : RABU

SENTIMEN : POSITIF

Español Tamil

BERNAMA.com

PTPTN sedia pelbagai kemudahan dalam talian pastikan urusan pelanggan tidak terjejas



KUALA LUMPUR, 14 Julai – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyediakan pelbagai kemudahan dalam talian bagi memastikan urusan pelanggan tidak terjejas walaupun perkhidmatan kaunternya di seluruh negara ditutup akibat pandemik COVID-19.

PTPTN dalam kenyataan hari ini berkata pelanggan yang ingin mendapatkan perkhidmatan bagi urusan permohonan pinjaman, bayaran balik pinjaman, pembukaan akaun dan penambahan deposit dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) disarankan menggunakan pelbagai kemudahan dalam talian yang disediakan.

Menurutnya permohonan pinjaman pendidikan dan semakan wang pendahuluan pinjaman (WPP) juga boleh dibuat secara dalam talian melalui portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my.

Bagi urusan bayaran balik pinjaman pula, menurutnya tujuh kemudahan perkhidmatan dalam talian disediakan termasuk bayaran melalui saluran fpx menggunakan akaun bank atau kad kredit, semakan penyata pinjaman, permohonan pemotongan gaji dan debit terus.

Selain itu portal rasmi PTPTN turut menyediakan kemudahan bayaran balik pinjaman melalui pelbagai saluran aplikasi telefon mudah alih seperti MyPay, Shopee, BESTPay, KiplePay, KelantanPay, perbankan internet seperti JomPay serta perkhidmatan e-Pay di terminal lokasi terpilih, dan kemudahan sama turut disediakan di portal rasmi perbadanan, serta di pelbagai saluran bagi urusan berkaitan SSPN.

Pelanggan juga boleh menghubungi PTPTN di Careline PTPTN di 03-2193 3000, *live chat* di www.ptptn.gov.my, e-aduan di <https://eaduan.ptptn.gov.my/>, eksekutif pemasaran PTPTN di <https://www.ptptn.gov.my/hubungi-ptptn> atau di pelbagai akaun media sosial rasmi PTPTN.

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1982382>